

UPM KAJI SEMULA KURSUS

Beri tumpuan bidang pertanian

Oleh Nasharuddin Muhammad

nash@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Kurikulum dan kursus yang ditawarkan Universiti Putra Malaysia (UPM) akan dikaji semula dengan penekanan utama diberikan kepada bidang pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata Kabinet setuju UPM mengkaji semula kurikulum dan kursus ditawarkan yang memberi tumpuan kepada bidang pertanian.

Menurutnya, walaupun UPM sudah berubah wajah, ia perlu kembali memberi tumpuan bagi melahirkan lebih ramai graduan dan sumber tenaga manusia dalam bidang itu.

“Kabinet Rabu lalu setuju dengan cadangan saya supaya UPM mengkaji semula kurikulum dan kursusnya dengan memberi tumpuan kepada bidang pertanian.

“Kementerian Pengajian Tinggi akan berbincang lebih lanjut cadangan ini dengan pengurusan UPM.

“Langkah ini penting dalam usaha melahirkan lebih ramai sumber tenaga manusia dalam bidang ini bagi memenuhi keperluan negara,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Agrobazar Putrajaya, bazar buahan dan tanaman di Taman Warisan Putrajaya di sini, semalam.

Bazar selama dua hari itu anjuran bersama Perbadanan Putrajaya dan Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (Mardi).

Hadir sama Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Azizan Zainul Abidin dan Ketua Pengarah Mardi, Datuk Dr Shaharan Anang.

Muhyiddin berkata, Kabinet juga setuju supaya Mardi mengadakan kerjasama dan mengetuai kajian dengan sebuah universiti terkemuka di Belanda bagi memajukan lagi sektor pertanian tempatan.

Menurutnya, langkah mengkaji semula kurikulum dan kursus di UPM itu juga bagi menggalakkan lagi generasi muda terbabit dalam bidang berkenaan.

“Pertanian kini sudah banyak berubah tidak seperti 20 atau 30 tahun lalu yang bukan setakat melahirkan petani, tetapi petani moden dan pakar bidang itu.

“Secara purata, usia petani di negara ini ialah 56 tahun. Jadi perlu ada barisan pelapis di kalangan generasi muda yang dapat meneruskan usaha dalam sektor itu,” katanya.